

*Tarbiyah Pengasas Siri 51  
18 April 2023*

## **KENAPA IMAN DIJADIKAN KEKUATAN ASAS ISDEV DAN SIAPAKAH ORANG-ORANG YANG BERIMAN?**

*Prof Dr Muhammad Syukri Salleh*

### **Soalan Dr Mohd Shukri Hanapi**

Y.Bhg Prof. ISDEV mempunyai tiga teras kekuatan iaitu iman, ukhuwwah dan keselaran kefahaman, pemikiran dan tindakan. Pada kesempatan pertemuan kali ini, saya ingin memfokuskan pada teras yang pertama sahaja, iaitu teras iman.

### **Soalan 1**

Sehubungan itu Prof, saya dan seluruh warga ISDEV (terutamanya yang baharu menyertai ISDEV) ingin mengetahui kenapa Prof. memilih aspek iman itu sebagai teras utama kekuatan ISDEV?

Jawapan

Saya memilih iman sebagai teras utama kekuatan ISDEV berlandaskan kepada dua faktor. Pertama, faktor falsafah; kedua, faktor operasional.

Faktor Fasafah

1. Iman adalah **nikmat Allah SWT yang paling mahal**, lebih mahal daripada nikmat kesihatan, kepandaian, kecantikan, kemasyhuran, harta benda, wang ringgit, pangkat darjat,

anak pinak dan seumpamanya. ISDEV mahu menghargai sungguh-sungguh nikmat yang paling mahal ini.

2. Allah SWT kurniakan iman kepada yang dikehendaki-Nya. Allah telah pilih kita untuk jadi beriman. ISDEV tidak mahu sia-siakan **pilihan Allah SWT** ini.
3. Iman adalah **alat/sumber** untuk mencari keuntungan/kebahagiaan di dunia dan akhirat. ISDEV mahu guna alat dan sumber ini untuk mencapai keuntungan/kebahagiaan tersebut.
4. Iman **menentukan tempat di akhirat**, syurga atau neraka. Orang beriman akan diganjari dengan syurga, orang tidak beriman diganjari dengan neraka. ISDEV mahu membawa warganya ke syurga dan menyelamatkan mereka dari neraka.
5. Iman adalah asas penting kehidupan, yang menjadi tapak berdirinya **peribadi mukmin**. ISDEV mahu membina peribadi warganya berdasarkan iman (dan taqwa).

#### Faktor Operasional

1. **Iman adalah segala-galanya** – ketenangan, kekuatan, hiburan, kekayaan, kelapangan dan sebagainya. Malah iman adalah kehidupan kita. ISDEV perlukan semua ini untuk gemilang.
2. Tanpa iman, kehidupan seseorang menjadi **hina dan lemah**. Sedikit ujian sahaja sudah boleh goyang. ISDEV mahu disegani dan dihormati orang, mahu kuat dan tidak goyang dan tidak berputus asa dengan ujian.

3. Tanpa iman, tidak mungkin seseorang boleh hidup tenang dan bahagia dengan sebenar-benar tenang dan bahagia. Di dunia dihimpit kegelisahan dan kekalutan hidup, di akhirat dibenamkan ke dalam api neraka. ISDEV mahu **berjuang dalam ketenangan dan kebahagiaan**, tidak gelisah, tidak kalut, dan selamat dari api neraka.
4. Orang beriman (bertaqwa), Allah bantu. ISDEV **mahu sentiasa dibantu Allah SWT**. Firman Allah dalam surah At-Talaq 65:2-3, maksudnya:
  - (i) Bagi orang yang beriman dan bertaqwa, Allah SWT mengadakan **jalan keluar** daripada segala masalah
  - (ii) Bagi orang yang beriman dan bertaqwa, Allah SWT **memberi rezeki** daripada sumber yang tidak disangka-sangka
  - (iii) Bagi orang yang bertawakkal kepada Allah SWT, Allah SWT akan **cukupkan keperluannya**.

“Apabila mereka telah mendekati akhir iddahnya, maka rujukilah mereka dengan baik atau lepaskanlah mereka dengan baik dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu dan hendaklah kamu tegakkan kesaksian itu karena Allah. Demikianlah diberi pengajaran dengan itu orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. Barangsiapa bertakwa kepada Allah niscaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar” (At-Talaq 65:2).

“Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang

(dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu" (At-Talaq 65:3).

5. Allah SWT kurniakan iman (dan taqwa) sebagai **senjata perjuangan** orang Islam. Kepada orang kafir Allah SWT kurniakan quwwah. ISDEV mahu mengguna senjata yang betul untuk menjadi gemilang.

## Soalan 2

Atas jasa baik Prof, bolehkah jelaskan kepada kami siapakah orang yang beriman dan tingkatan-tingkatan iman itu? Saya sendiri benar-benar yakin dari sinilah Prof. bina asas iman yang wajib difahami dan diamalkan oleh semua warga ISDEV.

Jawapan:

Orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang berikut:

### 1. Orang-orang yang beriman kepada **6 rukun iman**

- (i) Beriman kepada Allah SWT
- (ii) Beriman kepada Malaikat-malaikat
- (iii) Beriman kepada Kitab-kitab Allah SWT
- (iv) Beriman kepada Rasul-Rasul Allah SWT
- (v) Beriman kepada hari Akhirat
- (vi) Beriman kepada qadha dan qadar Allah SWT  
(ketentuan baik dan buruk-Nya)

Enam Rukun iman ini Rasulullah SAW terangkan ketika menjawab soalan Malaikat Jibril, selain jawapan berkenaan erti Islam (**5 rukun Islam**) (mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa bulan Ramadhan, menunaikan Haji di Baitullah), dan erti **Ihsan** (Kamu menyembah Allah SWT seakan-akan kamu melihat-

Nya, jika tidak Dia sentiasa memerhatikan kamu] [Hadith Muslim, Riwayat Sayyidina Umar Ibn Khattab]

2. Orang-orang yang **mempunyai keyakinan terhadap Allah SWT** dan Rasulullah SAW [menurut At Tabrani]. Keyakinan itu dibenarkan oleh hati, diucapkan dengan mulut (lidah), dan dibuktikan dengan amalan

- (i) Mengenal dengan hati [*makrifatun bilqalb*]
- (ii) Diucapkan dengan lidah [*wa qaulun bil lisaan*], dan
- (iii) Mengamalkan dengan jasad (anggota lahir) [*wa 'amalun bil arkaan*]

Nota:

- (i) **Keyakinan** ada peringkat-peringkatnya
  1. Jahil = Tidak tahu tentang persoalan iman
  2. Syak = Keyakinan 50%, keraguan 50%
  3. Dzan = Keyakinan 75%, keraguan 25%
  4. Waham = Keyakinan 25%, keraguan 75%
- (ii) Orang yang yakin 100% = Orang yang beriman dan bertaqwa (*mindful of Allah, conscious of Allah, Rasa Bertuhan, Rasa Kehambaan, takut Allah, malu kepada Allah, mengharap kepada Allah, bergantung kepada Allah, bermanja-manja dengan Allah, bergurau-gurau dengan Allah, dan sebagainya*)
- (iii) Seorang Islam belum tentu beriman, tetapi seorang yang beriman sudah tentu Islam. Islam boleh dikenal dengan amalan-amalan lahir, tetapi iman ialah amalan hati (*bathin*).

(iv) Di atas adalah dua sifat orang beriman yang asas (rukun iman dan keyakinan). Di dalam al-Qur'an dan Hadith banyak lagi sifat-sifat orang-orang beriman yang diterangkan Allah SWT dan Rasulullah SAW. Misalnya dalam surah Al-Anfal, Allah SWT menyenaraikan **5 sifat orang** beriman:

1. Apabila disebut nama Allah SWT **gementarlah hati mereka**" (Al-Anfal 8:2).
2. Apabila dibacakan ayat-ayat-Nya **bertambahlah iman** mereka (karenanya)" (Al-Anfal 8:2).
3. Hanya kepada Allah SWT mereka **bertawakkal**" (Al-Anfal 8:2).
4. (Iaitu) Orang-orang yang **mendirikan shalat** (Al-Anfal 8:3).
5. Orang-orang yang **menginfakkan rezeki** yang Allah SWT berikan kepada mereka" (Al-Anfal 8:3).

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah" (Al-Anfaal 8:2)

"Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka" (Al-Anfaal 8:3).